

Tun Abdullah dianugerah ijazah kehormat UPM

SERDANG: Bekas Perdana Menteri, Tun Abdullah Ahmad Badawi akan dianugerahkan Ijazah Kehormat Doktor Pembangunan Pertanian sempena Konvokesyen ke-33 Universiti Putra Malaysia (UPM), Sabtu ini.

Pengerusi Jawatankuasa Induk Konvokesyen, Prof Datin Paduka Dr Aini Ideris, berkata penganugerahan itu berdasarkan sumbangan beliau memajukan sektor pertanian yang juga bidang kekuatan universiti itu.

"Beliau turut menekankan aktiviti hiliran dan tambah nilai bagi hasil pertanian. Segala usaha itu bagi meningkatkan keupayaan negara sebagai pengeluar makanan seterusnya menjadikan konsep pertanian baru sebagai asas penting yang mempunyai ciri seperti pertanian komersial dengan teknologi moden untuk memastikan pengeluaran berkualiti.

"Sumbangannya sangat penting kerana ketika dunia menghadapi krisis makanan, beliau sudah menjangka dan mengambil tindakan terhadapnya," katanya selepas sidang media sempena Majlis Konvokesyen ke-33 UPM, di sini, semalam.

Hadir sama, Naib Canselor UPM, Prof Datuk Dr Nik Mustapha R Abdullah dan Timbalan Naib Canselor Jaringan In-

dustri dan Masyarakat, Prof Dr Tai Shzee Yew.

Sementara itu, Nik Mustapha berkata, konvokesyen kali ini menyaksikan 7,597 graduan akan menerima ijazah doktor falsafah (PhD), sarjana, bachelor dan diploma masing-masing.

Daripada jumlah itu katanya, 141 adalah penerima PhD, sarjana (1,072), bachelor (5,984), diploma (400) dan dua Anugerah Profesor Emeritus iaitu kepada bekas Naib Canselor UPM kelima, Datuk Dr Muhammad Zohadie Bardaie serta bekas Timbalan Naib Canselor keenam (Akademik dan Antarabangsa), Prof Dr Muhamad Awang.

"Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah berkenan menyempurnakan sesi pertama hari pertama konvokesyen," katanya.

Pingat Emas Prof Emeritus Tan Sri Dr Rashdan Baba dianugerah kepada graduan Bachelor Sains Pertanian, Noorhalizam Mohamad Noor yang turut menerima Hadiah Pingat Emas Canselor, manakala Hadiah Anugerah Pelajaran Diraja kategori Bumiputera kepada graduan Bachelor Pengajian Pengguna, Yussyafiqah Yunus dan bukan Bumiputera, Lee Pay Chiann (Bachelor Sains Perhutanan).